

Sengkang mata jaga keselamatan kampus

» Program ronda USIM babitkan siswa diberi kredit dalam modul pembelajaran

Oleh Ziauddin Sharuddin
zia@bh.com.my

Bandar Baru Nilai

Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini turut bersengkang mata, bersama-sama menjaga keselamatan kampus menerusi program rondaan 'Assas', inisiatif dipercayai julung kali dilaksanakan di universiti di negara ini.

Rondaan antara Isnin hingga Jumaat dijayakan menerusi dua giliran waktu bertugas, mulai jam 12 tengah malam hingga 2.30 pagi dan 2.30 pagi hingga 5 pagi. Setiap rondaan membabitkan sekumpulan tiga pelajar bersama pengawal keselamatan USIM.

Penolong Pendaftar Pusat Komunikasi Strategik USIM, Mohd Zaini Othman, berkata Assas adalah perkataan Arab yang bermaksud penjaga dan konsep itu sebenarnya sudah biasa dilaksanakan di universiti luar negara.

"USIM mahu jadi kampus pertama melaksanakan konsep itu di negara ini," katanya sambil menambah, program dimulakan 18 Mac lalu, namun baru dilancarkan secara rasmi oleh Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad, malam kelmarin.

370 pelajar terbabit

Rondaan disertai 370 pelajar yang juga anggota pertubuhan pakaian

seragam USIM, iaitu Kor Suka-relawan Polis Siswa Siswi (Kor SUKSIS), Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA), Briged Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN) dan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM).

"Untuk permulaan, rondaan dilakukan di tiga kolej kediaman pelajar, iaitu Kolej Kediaman Satu, Kolej Kediaman Nilam Court dan Kolej Kediaman Sutera Indah. Setiap petugas dibekalkan dengan pakaian seragam khas, lampu suluh dan wisel," katanya.

Katanya, program itu berbentuk kesukarelawan berstruktur dengan pelajar yang menyertainya diberikan kredit dalam modul pembelajaran dan kejurulatihan badan pakaian seragam USIM.

Ditemani pengawal keselamatan

Sementara itu, pelajar Sarjana Muda Matematik Kewangan, Nur Hidayah Abd Wahab, 20, mengaku agak bimbang ketika mula-mula meronda pada waktu malam, namun perasaan itu hilang kerana turut ditemani rakan serta pengawal keselamatan universiti.

Rakannya yang juga anggota SUKSIS, Nur Atiqah Hanim Sapie, 20, yang gembira dipilih menyertai pasukan rondaan terbabit, berkata tugas berkenaan tidak menjejaskan pengajian kerana setiap pelajar hanya bertugas sekali dalam sebulan.

Pelajar bidang fikah dan fatwa, Mohamad Fauzi Nasikin, 21, pula berkata walaupun USIM ada pengawal keselamatan sendiri, pembabitkan mahasiswa dalam tugas berkenaan mengajar mereka menjadi lebih bertanggungjawab terhadap keselamatan universiti, sekali gus mewujudkan persekitaran lebih selamat.



Musa (dua dari kanan) beramah mesra dengan petugas Assas USIM yang terbabit rondaan keselamatan kampus sambil diperhatikan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Datuk Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan (kanan).



Pelajar USIM melakukan rondaan sekitar kampus.

“Untuk permulaan, rondaan dilakukan di tiga kolej kediaman pelajar, iaitu Kolej Kediaman Satu, Kolej Kediaman Nilam Court dan Kolej Kediaman Sutera Indah. Setiap petugas dibekalkan dengan pakaian seragam khas, lampu suluh dan wisel”

Mohd Zaini Othman,
Penolong Pendaftar Pusat
Komunikasi Strategik USIM